

*Article*

# Keharmonian Masyarakat Majmuk Berdasarkan Surah Al-Hujurat Ayat 13

Ahmad Amirul bin Zulkifli<sup>1\*</sup>, Wan Mohd Yusof bin Wan Chik<sup>2</sup>, Ahmad Faizol bin Ismail<sup>3</sup>, Sufian bin Moktar<sup>4</sup>, Zaidin bin Mat@Mohamad<sup>5</sup>, Zulkifli bin Mohd<sup>6</sup>, dan Khiral Anuar bin Daud<sup>7</sup>

1 Affiliation <sup>2</sup>; inqalbab@gmail.com<sup>2</sup>

2 Affiliation <sup>3</sup>; afaizol@unisza.edu.my<sup>3</sup>

3 Affiliation <sup>4</sup>; akhisufian@yahoo.com<sup>4</sup>

4 Affiliation <sup>5</sup>; mzaidin@unisza.edu.my<sup>5</sup>

5 Affiliation <sup>6</sup>; mzulkifli@unisza.edu.my<sup>6</sup>

6 Affiliation <sup>7</sup>; khiralanuar@unisza.edu.my<sup>7</sup>

\* Correspondence: amirulabdsalam@gmail.com

Received: 1<sup>st</sup> January 2019; Accepted: 10<sup>th</sup> January 2019; Published: 28<sup>th</sup> February 2019

**Abstrak:** Islam adalah agama yang menerima realiti kemajmukan masyarakat manusia dari sudut agama, bangsa dan peradaban. Aspek keharmonian dan toleransi dalam sesebuah entiti masyarakat menjadi antara keutamaan ajarannya. Hal ini boleh dibuktikan menerusi kandungan ayat al-Quran dan hadis Nabi SAW yang banyak membahaskan tentang perkara tersebut. Justeru kajian ini akan membuat analisis terhadap salah satu ayat yang menyentuh aspek kemajmukan masyarakat iaitu ayat ke-13 dalam surah al-Hujurat. Kajian yang bersifat kualitatif ini akan mengupas pandangan para mufasirin dan ilmuwan Islam secara terperinci menggunakan metode induktif, deduktif serta komparatif. Hasilnya, kajian mendapati bahawa terdapat tiga elemen utama dapat dipecahkan berdasarkan konteks ayat untuk melahirkan sebuah masyarakat majmuk yang sejahtera. Elemen-elemen yang dimaksudkan adalah tunjang, dasar dan tujuan. Berdasarkan ayat ke-13 surah al-Hujurat dapat disimpulkan sebuah model masyarakat majmuk sekali gus menolak dakwaan Islam menolak kemajmukan dan kepelbagaian dalam sesebuah entiti masyarakat. Walaupun ayat ini sangat ringkas dan tidak menyentuh kesemua elemen kemajmukan masyarakat, namun kewujudan tiga elemen ini sudah cukup membuktikan kemukjizatan al-Quran sebagai sumber asas pembentukan masyarakat majmuk dan melahirkan suatu penyelesaian untuk kebaikan manusia bersama.

**Keywords:** Keharmonian; Masyarakat; Majmuk; Surah Al-Hujurat Ayat 13

## About the Author

Ahmad Amirul bin Zulkifli adalah seorang GRA bagi Geran Penyelidikan Nic (FRGS-KPM) UniSZA/NRGS/2013/RR057, Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA), Kuala Terengganu. Beliau sedang menyambung pengajian peringkat MA di Fakulti Pengajian dan Kontemporari Islam, Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA), Kuala Terengganu, setelah menamatkan pengajian diperingkat Ijazah

## Public Interest Statement

Surah al-Hujurat ayat ke-13 merupakan sebuah model masyarakat majmuk yang dibentuk untuk melahirkan sebuah entiti yang harmoni. Kemunasabahan ayat ini walaupun sangat ringkas namun ia dipenuhi dengan prinsip dan pengajaran asas dalam usaha membina satu struktur masyarakat majmuk yang berupaya hidup secara toleransi dan harmoni. Secara umumnya, keharmonian masyarakat dapat dicapai melalui gagasan surah al-Hujurat ayat

Sarjana Muda Fiqh dan Usul Fiqh di Universiti Al-Bayt Jordan pada tahun 2017.

13 dengan meletakkan “kesamaan manusia” sebagai tunjang pengukuhan hubungan dalam mendepani realiti kepelbagaian. Manakala nilai perbezaan dijadikan aspek yang menampakkan keistimewaan setiap unit dan ruang untuk semuanya bertindak saling melengkapi secara harmoni. Oleh itu, dalam usaha membentuk sebuah masyarakat yang harmoni maka setiap entiti masyarakat harus bijak mengolah kepelbagaian dan kemajmukan sebagai seni firah Sunnatullah untuk kebaikan bersama.

## 1. Pengenalan

Islam adalah agama yang syumul serta selari dengan fitrah manusia yang dibina dari jasmani, rohani, mental dan emosi. Perkataan Islam itu sendiri memberi gambaran bahawa ia menyeru kepada keharmonian, kedamaian, dan kesejahteraan dalam konteks kehidupan individu mahupun bermasyarakat. Dalam konteks binaan kemasyarakatan Islam sedari awal menerima status kepelbagaian bangsa, agama dan sebagainya sebagai satu realiti kehidupan. Kepelbagaian agama dan kemajmukan bangsa merupakan satu fenomena biasa dalam kehidupan manusia bahkan perlu dilihat secara lebih saksama demi memastikan ia tidak menggugat keharmonian bahkan menjadi sumber kekuatan sesuatu komuniti masyarakat majmuk. Al-Quran mempunyai gagasan dan teras yang tersendiri dalam menafsirkan kepelbagaian dan kemajmukan yang ada sebagai satu dimensi *sunnatullah*. Ini menggambarkan ia adalah sebatian dalam Islam kerana kombinasi ini seringkali dicatat dalam lembaran al-Quran dan al-Hadith. Implikasi kajian ayat ke 13 Surah al-Hujurat telah menunjukkan kesediaan Islam untuk berinteraksi secara damai dan harmoni dengan kelompok yang lain seterusnya menjadikan status kepelbagaian dan kemajmukan sebagai teras yang positif sebagai tanda rahmat Allah SWT kepada umat manusia.

## 2. Kefahaman Keharmonian Masyarakat Majmuk berdasarkan surah al-Hujurat ayat 13.

Kata “Keharmonian” merupakan kata terbitan berapitan bagi kata dasar “harmoni”. Kata ini diapit dengan imbuhan apitan “ke” dan “an” (Karim, Onn, Musa & Mahmood, 2009). Kebiasaannya perkataan ini boleh digabungkan dengan pelbagai golongan kata, sama ada golongan kata kerja, kata nama, mahupun kata sifat. Ia membawa maksud kepada penerangan sesuatu hal yang terdapat dalam kata dasar (Radzi, Sultan, Jalaluddin & Ahmad, 2012) Perkataan keharmonian dibentuk daripada tiga morfem iaitu (ke + harmoni + an), ia juga dikenali sebagai morfem terikat kerana diikat dengan kata dasar iaitu harmoni (Nik Safiah Karim et al., 2009 43-44). Berdasarkan Kamus Dewan keharmonian diertikan sebagai keadaan yang harmoni dalam membentuk kemesraan seterusnya membentuk perhubungan antara kedua-dua belah pihak (Noresah Bt Baharom 2016 979). Menurut al-Shahud, gambaran bagi sesebuah entiti masyarakat yang harmoni adalah mereka yang tiada permusuhan, pergaduhan, pertengkaran dan dihiasi dengan kata-kata yang baik dan tidak menyakitkan (Al-Shahud, 2009 70). Secara umumnya keharmonian sesebuah masyarakat itu adalah sesuatu yang bersifat subjektif dan sukar untuk diukur. Hal ini kerana konsep keharmonian itu sendiri mempunyai satu gagasan dan dimensi yang menjadikannya sukar diukur dan ditakrifkan (Wan Ahamd, Redzuan, Emby & Hamid, 2009).

Perkataan masyarakat majmuk merupakan gabungan dua morfem yang berbeza iaitu “masyarakat” dan “majmuk”. Perkataan ini digabung untuk menunjukkan satu pemahaman yang jitu dan luas. Secara

etimologinya perkataan masyarakat diertikan sebagai kumpulan manusia yang hidup bersama di sesuatu tempat dengan aturan dan cara yang tertentu (Noresah Bt Baharom 2016). Manakala perkataan majmuk dari segi etimologi berasal daripada bahasa Arab *al-Ta'adud* yang bererti berbilang-bilang, pelbagai, bertambah, dan lebih daripada satu (Umar, 2008) perkataan majmuk telah diterima dalam kosa kata bahasa Melayu yang bermaksud terdiri atau terbentuk daripada beberapa bahagian dan sebagainya tetapi merupakan satu kesatuan (Noresah bt Baharom 2016 978). Perkataan Majmuk juga boleh dirujuk melalui kamus Inggeris - Melayu Dewan, sebagai:

“Pluralism: presence in a society of different racial groups, opinions,”<sup>1</sup> yang bermaksud: Kemajmukan dalam sesuatu masyarakat yang terdiri daripada kumpulan, perkauman, pendapat, dan lain-lain.

Dalam disiplin sosiologi, perkataan majmuk biasanya merujuk kepada bentuk masyarakat. Pada dasarnya masyarakat ini dirujuk kepada satu unit politik yang sama tetapi terdapat perbezaan di dalam beberapa aspek seperti berbeza dari sudut kepercayaan, kebudayaan, bahasa, idea dan cara hidup yang tersendiri (John Sydenham Furnivall 1956). Al-Zuhayliy dengan jelas memberikan satu definisi dalam menjelaskan erti masyarakat majmuk iaitu satu kelompok manusia yang hidup dalam kemajmukan yang pelbagai seperti kemajmukan agama, mazhab, budaya dan adat resam (Al-Zuhayliy, 2010 423).

Surah al-Hujurat dari segi etimologi berasal dari bahasa Arab yang bermaksud bilik-bilik (HAMKA 1982 26 211). Kata al-Hujurat merupakan kata jamak bagi al-Hujrah (satu bilik). Surah ini merupakan salah satu surah *Madaniyah*<sup>2</sup>. Menurut al-Tha‘labiy surah ini mengandungi lapan belas ayat, tiga ratus empat puluh tiga kalimah dan satu ribu empat ratus tujuh puluh lima huruf (Al-Tha‘labiy, 2002 9:64). Terdapat perbezaan bilangan huruf yang dihitung oleh para Mufasirin antaranya Siraj al-Din yang menyatakan bilangan huruf pada bilangan beliau adalah Satu ribu empat ratus tujuh puluh enam huruf (Al-Nu‘Mani, 1998) dan al-Khatib menghitung sebanyak Satu ribu empat ratus tujuh puluh empat huruf (Al-Khatib,t.th). Perbezaan para mufasirin bukan sekadar bilangan huruf namun mereka juga berbeza pendapat dalam menentukan surah ini di turunkan selepas surah yang mana. Menurut al-Zamakhsyari Surah ini diturunkan selepas surah al-Mujadalah (Al-Zamakhsyari, 1407 H), Di samping itu, Ibn Jazi al-Kalbiy menyatakan surah ini diturunkan selepas surah al-Jathiah (Al-Kalbiy, 1416H), manakala menurut HAMKA surah ini diturunkan selepas surah al-Fath (HAMKA 1982 26 211). Titik perbezaan ini menunjukkan ketelitian dan keluasan ilmu para ulama dalam disiplin ilmu.

Berdasarkan konteks kajian surah ini, terdapat satu ayat yang menunjukkan penerimaan al-Quran tentang kepelbagaian dan kemajmukan sebagai satu realiti kehidupan. Hal ini digagaskan berdasarkan surah al-Hujurat ayat 13. Penerangan ayat ini akan menunjangi keabsahan hujah kajian ini.

يَا أَيُّهَا النَّاسُ إِنَّا خَلَقْنَاكُمْ مِنْ ذَكَرٍ وَأُنْثَىٰ وَجَعَلْنَاكُمْ شُعُوبًا وَقَبَائِلَ لِتَعَارَفُوا إِنَّ أَكْرَمَكُمْ عِنْدَ اللَّهِ أَتَقْوَىٰ إِنَّ اللَّهَ عَلِيمٌ خَبِيرٌ

Surah al-Hujurat:13

Yang bermaksud: *Wahai umat manusia! Sesungguhnya kami telah menciptakan kamu dari lelaki dan perempuan, dan kami telah menjadikan kamu berbagai bangsa dan bersuku puak, supaya kamu berkenal-kenalan (dan beramah mesra antara satu dengan yang lain). Sesungguhnya orang yang paling mulia di sisi Allah ialah orang yang paling bertakwa di antara kamu, (bukan Yang lebih keturunan atau bangsanya). Sesungguhnya Allah maha mengetahui, lagi maha mendalam pengetahuannya*

<sup>1</sup> <http://prpm.dbp.gov.my/Cari1?keyword=kemajmukan&d=205708&#top>. Diakses pada pada 3 Julai 2018.

<sup>2</sup> Madaniyah ialah istilah yang diberikan kepada ayat al-Qur'an yang diturunkan di Madinah atau diturunkan setelah Nabi Muhammad berhijrah ke Madinah.

Berdasarkan kefahaman para mufasirin terhadap maksud ayat 13 surah al-Hujurat, terdapat beberapa aspek utama yang boleh diketengahkan dalam membentuk sebuah keharmonian dalam sesuatu masyarakat. Antaranya ialah:

### 2.1. Memahami hakikat persamaan asas keharmonian masyarakat

Elemen asas untuk mewujudkan keharmonian adalah diri manusia itu sendiri. Elemen kemanusiaan boleh difahami melalui kalimah “wahai manusia” pada permulaan ayat. Al-Nadawiy ketika mengulas penggunaan kalimah yang digunakan berdasarkan ayat ini “*Ya ayuha al-Nas*” “wahai sekalian manusia” bukan “*Ya ‘ayyuha ‘alladzina ‘amanu*” “wahai orang-orang yang beriman” menunjukkan satu kemunasabahan ayat di atas adalah berdasarkan ayat selepasnya yang bermaksud: “Sesungguhnya kami telah menciptakan kamu dari lelaki dan perempuan” Iaitu proses penciptaan setiap manusia secara umumnya lahir daripada persenyawaan antara air mani lelaki dan perempuan, ini bermakna ia tidak terhad kepada orang-orang beriman sahaja bahkan seluruh manusia umumnya melalui proses tersebut (Al-Nadawiy, 1432 H 189). *khitab* (sasaran) ayat ini diturunkan untuk sekalian manusia. Lafaz umum ini termasuk beriman atau kafir, miskin atau kaya, hamba atau merdeka, kecil atau besar (Jaydal, 2004). Namun tidak semua manusia dicipta daripada proses pensenyawaan lelaki dan perempuan (Al-Nadawiy, 1432 H 190). Al-Syanqitiy telah merumuskan proses kejadian manusia kepada empat bahagian:

1. Proses penciptaan tanpa penglibatan lelaki dan perempuan iaitu Adam AS.
2. Proses penciptaan tanpa penglibatan perempuan iaitu Hawa AS.
3. Proses penciptaan tanpa penglibatan perempuan iaitu Isa AS.
4. Proses penciptaan dengan penglibatan lelaki dan perempuan iaitu semua manusia kecuali yang disebutkan di atas. (Al-Syanqitiy 1995).

Berdasarkan konteks rumusan di atas menunjukkan manusia dihubung dengan satu perhubungan yang satu iaitu diri manusia itu sendiri walaupun kedapatan perbezaan dari sudut ideologi, kepercayaan, warna kulit, bangsa, adat resam dan sebagainya. Aspek perbezaan ini tidak boleh menjadi asbab kepada perpecahan namun ia perlu dibentuk secara positif berdasarkan perhubungan antara dua individu manusia atau kelompok manusia agar dapat dibentuk satu entiti masyarakat majmuk yang harmoni (al-Syarif 2003 36).

### 2.2. Meraikan kepelbagaian sebagai lambang Sunnatullah

Untuk mewujudkan keharmonian dalam sesebuah masyarakat maka kita wajar memahami bahawa asas persamaan antara kita adalah manusia. Walaupun terdapat perbezaan dan kemajmukan yang wujud berdasarkan Rangkaian ayat yang kedua iaitu Firman Allah SWT:

إِنَّا خَلَقْنٰكُمْ مِّنْ ذَكَرٍ وَأُنثٰى وَجَعَلْنٰكُمْ شُعُوْبًا وَقَبَاۗئِلَ

Yang bermaksud: *Sesungguhnya Kami telah menciptakan kamu dari lelaki dan perempuan, dan Kami telah menjadikan kamu berbagai bangsa dan bersuku puak antara kamu,*


Rangkaian ayat di atas menunjukkan asal kepada kemajmukan yang ada terbentuk daripada usul yang Satu. Hal ini dijelaskan oleh sabda nabi SAW:

والناس بنو آدم وآدم من تراب

Yang bermaksud: *“Setiap orang dari kamu berasal dari Adam, dan Adam berasal dari tanah. (Ahmad 14:349 8736)*

Berdasarkan hadith di atas menyentuh tentang kejadian manusia diciptakan dari sumber dan usul yang satu (Al-Harwi,t.th), lalu dipecahkan menjadi sebuah kemajmukan manusia yang pelbagai dari sudut budaya, bangsa, agama, sosial, pertuturan dan sebagainya. Bertitik dari asal usul kejadian, menunjukkan asas ikatan ini merentasi kepelbagaian bangsa tanpa ada perbezaan yang boleh di diskriminasi dan dibezakan. Partikel penegasan “inna” (sesungguhnya) pada ayat di atas digunakan kerana *mutakallim* (penerima mesej) adalah orang yang ragu-ragu. kemasukan partikel ini untuk menghilangkan keraguan dan mengutuhkan keyakinan kepada penerima mesej (Munif Zariruddin & Fikri Nordin, 2016 115). Ayat di atas mengulas tentang satu elemen persamaan yang diperkuat sebagai tunjang kekuatan persaudaraan sesama manusia iaitu asal keturunan manusia dilahirkan dari usul yang sama (Fakhr al-Din al-Raziy, 1402). Menurut Al-Zuhayliy maksud *al-Sya’bu* (bangsa) itu adalah sekumpulan manusia yang menetap di satu tempat yang khusus dan lebih besar daripada kabilah, kerana *al-Sya’bu* merupakan gabungan antara kabilah-kabilah, etnik-etnik dan kumpulan-kumpulan (Al-Zuhayliy 1418 H). Istilah “bangsa” juga dapat dirujuk sebagai sekumpulan manusia dalam satu ikatan ketatanegaraan (Noresah Bt Bahrom 2016 122). Di dalam kesukuan Arab terdapat tujuh tingkatan dalam sebuah masyarakat manusia, pertama *al-Sya’bu*, kedua *al-Qabilah*, ketiga *al-’Imarah*, keempat *al-Batnu*, kelima *al-Fakhzu*, keenam *al-Fasilah* dan ketujuh adalah *al-’Asyirah*. Untuk memahami konsep ini sila lihat piramid di bawah:

**Rajah 1.** Hierarki pembentuk bangsa menurut Masyarakat Arab



Allah SWT menegaskan dalam partikel ayat di atas berhubung kemajmukan dan kepelbagaian yang diwujudkan perlu dilihat sebagai ranting untuk membentuk nilai kepelbagaian sebagai teras kekuatan yang dikaitkan dengan keagungan Allah SWT sebagai lambang sunnatullah<sup>3</sup>. Ini berdasarkan beberapa firman Allah SWT antaranya:

Firman Allah S.W.T

وَلَوْ شَاءَ اللَّهُ لَجَعَلَكُمْ أُمَّةً وَاحِدَةً وَلَكِنْ لِيَبْلُوَكُمْ فِي مَا آتَيْنَاكُمْ فَأَسْبَغُوا الْخَيْرَاتِ إِلَى اللَّهِ مَرْجِعُكُمْ جَمِيعًا فَيُنَبِّئُكُمْ بِمَا كُنْتُمْ فِيهِ تَخْتَلِفُونَ

<sup>3</sup> Sunnatullah ialah peraturan atau sistem atau ketentuan tuhan untuk seluruh makhluk.

Surah al-Maidah: 48

Yang bermaksud: dan kalau Allah menghendaki nescaya ia menjadikan kamu satu umat (yang bersatu Dalam ugama Yang satu), tetapi ia hendak menguji kamu (dalam menjalankan) apa Yang telah disampaikan kepada kamu. Oleh itu berlumba-lumba lah kamu membuat kebaikan (beriman dan beramal soleh). Kepada Allah jualah tempat kembali kamu semuanya, maka ia akan memberitahu kamu apa Yang kamu berselisihan padanya.

Firman Allah S.W.T

وَلَوْ شَاءَ رَبُّكَ لَجَعَلَ النَّاسَ أُمَّةً وَاحِدَةً وَلَا يَزَالُونَ مُخْتَلِفِينَ

Surah Hud: 118

Yang bermaksud: dan kalaulah Tuhan mu (Wahai Muhammad) menghendaki, tentulah ia menjadikan umat manusia semuanya menurut agama yang satu. (Tetapi ia tidak berbuat demikian) dan kerana itulah mereka terus-menerus berselisihan.

Firman Allah S.W.T

وَلَوْ شَاءَ اللَّهُ لَجَعَلَكُمْ أُمَّةً وَاحِدَةً وَلَكِنْ يُضِلُّ مَنْ يَشَاءُ وَيَهْدِي مَنْ يَشَاءُ وَلِنَسْتَلْزِمَنَّ عَمَّا كُنْتُمْ تَعْمَلُونَ

Surah al-Nahl: 93

Yang bermaksud: dan jika Allah menghendaki, tentulah dia menjadikan kamu satu umat (yang bersatu dalam agama Allah yang satu); akan tetapi Allah menyesatkan sesiapa yang dikehendakinya (menurut undang-undang peraturannya) dan memberi petunjuk kepada sesiapa yang dikehendakinya (menurut undang-undang peraturannya) dan sesungguhnya kamu akan ditanya kelak tentang apa yang kamu telah kerjakan.

Firman Allah S.W.T

وَمِنْ آيَاتِهِ خَلْقُ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ وَأَخْتِلَافُ أَلْسِنَتِكُمْ وَالْوَبَيْتِ لَكُمْ إِنَّ فِي ذَلِكَ لَآيَاتٍ لِّلْعَالَمِينَ

Surah al-Rum: 22

Yang bermaksud: dan di antara tanda-tanda yang membuktikan kekuasaannya dan kebijaksanaannya ialah kejadian langit dan bumi, dan perbezaan bahasa kamu dan warna kulit kamu. Sesungguhnya yang demikian itu mengandungi keterangan-keterangan bagi orang-orang Yang berpengetahuan.

Kesemua ayat di atas menyatakan bahawa Islam menerima status kepelbagaian dan kemajmukan bahkan Islam melihat kepada sudut positif iaitu seruan agar hidup secara harmoni, berakhlak mulia, bersopan santun dalam menunaikan tanggungjawab dan bersikap adil sesama makhluk dengan memenuhi hak kepada yang berhak dalam semua aspek, seterusnya akan menatijahkan keharmonian persaudaraan. Islam sebagai agama rahmat dan kasih sayang tidak menafikan kewujudan agama lain yang datang sebelumnya seperti Yahudi dan Nasrani namun kehadirannya sebagai satu landasan dan penyempurnaan serta membetulkan kembali penyelewengan yang dibentuk atas nama agama. Al-Quran telah mencatatkan penyelewengan agama yang dilakukan oleh Yahudi antaranya, surah al-Baqarah ayat 59 dan 181 dan surah al-Maidah ayat 13 dan 14 (Muhammad Khalifah Hasan Ahmad 1988 40-45). Kedatangan Islam juga tidak menafikan kewujudan kepercayaan yang menyeleweng dan pelbagai seperti menyembah berhala, menyembah api (*majusi*) dan kepercayaan-kepercayaan yang lain. Hal ini dijelaskan oleh al-Quran seperti berikut:

Firman Allah SWT

هُوَ الَّذِي خَلَقَكُمْ فَمِنْكُمْ كَافِرٌ وَمِنْكُمْ مُّؤْمِنٌ وَاللَّهُ بِمَا تَعْمَلُونَ بَصِيرٌ

Surah al- Taghabun: 2

Yang bermaksud: *Dia lah Yang mengaturkan kejadian kamu; maka ada sebahagian dari kamu Yang kafir dan ada sebahagian dari kamu Yang beriman; dan Allah Maha melihat akan Segala Yang kamu kerjakan.*

Firman Allah SWT

فَأَمَّا الَّذِينَ ءَامَنُوا وَعَمِلُوا الصَّالِحَاتِ فَيُدْخِلُهُمْ رَبُّهُمْ فِي رَحْمَتِهِ ذَلِكَ هُوَ الْفَوْزُ الْمُبِينُ  
وَأَمَّا الَّذِينَ كَفَرُوا أَفَلَمْ تَكُنْ ءَاتِي تَتْلَىٰ عَلَيْهِمْ ءَايَاتِنَا فَاسْتَكْبَرْتُمْ وَكُنْتُمْ قَوْمًا مُّجْرِمِينَ  
Surah al-Jathiyah: 30-31

Yang bermaksud: 30. *Adapun orang-orang Yang beriman dan beramal soleh, maka mereka akan dimasukkan oleh Tuhan mereka ke Dalam rahmatNya; Yang demikian itu ialah kemenangan Yang besar.*

31. *Adapun orang-orang Yang kafir, (maka mereka akan ditempelak Dengan dikatakan kepada mereka): "Bukankah ayat-ayat Ku telah disampaikan dan dibacakan kepada kamu, lalu kamu berlaku sombong takbur (mengingkarinya), serta menjadi kaum Yang sentiasa melakukan kesalahan?"*

Firman Allah SWT

الَّذِينَ كَفَرُوا وَصَدُّوا عَنْ سَبِيلِ اللَّهِ أَضَلَّ أَعْمَلُهُمْ وَالَّذِينَ ءَامَنُوا وَعَمِلُوا الصَّالِحَاتِ وَءَامَنُوا بِمَا نُزِّلَ عَلَیْ مُحَمَّدٍ وَهُوَ الْحَقُّ مِنْ رَبِّهِمْ كَفَّرَ عَنْهُمْ سَيِّئَاتِهِمْ وَأَصْلَحَ بَالَهُمْ  
Surah Muhammad: 1-2

Yang bermaksud:

1. *orang-orang Yang kafir serta menghalangi (dirinya dan orang lain) dari jalan Allah, Allah sia-sia kan Segala amal mereka.*
2. *dan (sebaliknya) orang-orang yang beriman dan mengerjakan amal yang soleh serta beriman kepada Al-Quran yang diturunkan kepada Nabi Muhammad (SAW) - yang ialah kebenaran dari Tuhan mereka, - Allah mengampunkan dosa-dosa mereka, dan menjayakan keadaan mereka (di dunia dan di Akhirat).*

Berdasarkan ayat-ayat di atas, menunjukkan bahawa satu garis panduan yang dikemukakan oleh Islam bagi menghadapi kepelbagaian dan kemajmukan yang ada. Dalam hal ini, perlu di imani bahawa Allah SWT sengaja mewujudkan kepelbagaian dan kemajmukan ini sebagai satu penyelesaian untuk menghadapi sebarang interaksi yang wujud. Kepelbagaian ini adalah satu rahmat Tuhan supaya manusia saling kenal-mengenal antara satu sama lain bukan untuk peperangan, pergaduhan atau penafian hak dengan kewujudan kemajmukan agama dan masyarakat yang lain. Malangnya kepelbagaian ini sering disalah erti dalam bentuk negatif sehingga ia dianggap penyebab kepada konflik yang melanda terutama cetusan peperangan dan diskriminasi. Pemikiran negatif ini perlu dihakis dan dibuang kerana ia adalah sebuah pemikiran yang menyimpang dan salah, (Mohammad Jamal Daoudi 2005 85) seterusnya akan melahirkan jurang dan sempadan antara manusia. Para Sarjana Islam dan pemikir Barat melihat kepelbagaian yang ada ini adalah satu kesatuan yang tidak boleh dipisahkan sehinggakan Francoise Revere (salah seorang timbalan UNESCO) menegaskan:

"This is the sense in which one might say there is no diversity without culture without diversity (Francoise Revere 2009)"

Hal ini selari dengan tuntutan ajaran Islam. Ini kerana, kepelbagaian agama ini harus dihormati dengan berlapang dada dan penerimaan dengan hati yang terbuka sebagai satu realiti kehidupan. Walaupun dalam al-Quran tetap menyebut dan mengiktiraf kepelbagaian rupa, bangsa, agama dan etnik (Al-Quran 49:13) Tetapi dalam hal ini, Islam hanya mengiktiraf kepelbagaian agama bukan kepada

kesatuan agama. Hal ini bermaksud, tidak perlu kepada pelaksanaan pertukaran agama dan tidak juga membawa kepada pengiktirafan persamaan agama-agama untuk menjadi satu, namun sebagai salah satu bentuk realiti *sumnatullah*. Harus ditegaskan kehadiran Islam di dalam sesebuah kepelbagaian agama adalah bertujuan membebaskan mereka daripada pemikiran dan kepercayaan yang salah. Hal ini meniadakan pandangan negatif Orientalis yang menyatakan agama Islam sebagai agama pembasmi bagi kemajmukan agama yang ada (Mahmood Zuhdi, 1994) Sebaliknya agama ini lahir untuk menyeru manusia ke arah jalan yang benar dengan *manhaj* yang harmoni (Al-Zuhayliy 2011 2). Hal ini menunjukkan dengan jelas suruhan Allah yang menyuruh ke arah perbincangan atau teguran terhadap agama-agama yang ada dengan baik dan damai. Seperti firman Allah yang Hal ini ditegaskan oleh al-Quran:

أَدْعُ إِلَى سَبِيلِ رَبِّكَ بِالْحُكْمِ وَالْمَوْعِظَةِ الْحَسَنَةِ وَجِدْلُهُمْ بِأَنِّي هِيَ أَحْسَنُ

Yang bermaksud: *ajak lah ke jalan Tuhan mu (wahai Muhammad) dengan hikmat kebijaksanaan dan nasihat pengajaran yang baik, dan berbahas lah dengan mereka (yang engkau serukan itu) dengan cara yang lebih baik.*

Ayat ini telah membuktikan Allah SWT menuntut untuk berurusan dengan kepelbagaian ini dalam keadaan yang harmoni sama ada dalam konteks dakwah mahupun urusan seharian. Tiga pendekatan yang diterapkan oleh al-Quran dalam berinteraksi dengan kemajmukan yang ada seperti *al-Hikmah*, *al-Maw'izah al-Hasanah* dan *al-Mujadalah bi al-Husna*. ketiga-tiga pendekatan ini berdasarkan situasi dan keadaan seseorang itu. Nabi Muhammad SAW diperintahkan supaya menyeru manusia dengan berhikmah dan tauladan yang baik. Maka semua orang Islam juga diperintahkan supaya melaksanakan tanggungjawab tersebut dengan akhlak yang terpuji dan seruan yang berhikmah, kerana ia tidak termasuk dalam pengkhususan bagi nabi Muhammad SAW sahaja. Menurut kaedah, setiap *taklif* (suruhan) ke atas Rasulullah SAW akan menjadi suatu *taklif* kepada umat Baginda SAW melainkan ada *nas* yang mengkhususkan kepada Nabi Muhammad SAW (Al-Syarah, 2000). Pun begitu, pemahaman terhadap literal al-Quran dan al-Hadis dapat difahami dengan pemahaman yang tersirat berdasarkan kaedah pentafsiran yang dibenarkan oleh Islam dengan apa yang digariskan oleh metode para *mufasirin* dan Sarjana Islam.


### 2.3. Jalan penghubung kepada keharmonian

لِتَعَارَفُوا

Yang bermaksud: *untuk saling kenal mengenali.*

Partikel Lam pada permulaan kalimah ini menunjukkan sebagai *al-Ta'lil* (sebab dan tujuan). Ini bermakna huruf Lam pada frasa *لِتَعَارَفُوا*, menunjukkan Allah SWT telah mewujudkan kepelbagaian dan kemajmukan berdasarkan ayat sebelumnya dengan alasan atau tujuan agar manusia saling kenal-mengenali (al-Da'as&Hamidan&al-Qasim, 1425 H, 3:253). Frasa *تَعَارَفُوا* pula bermaksud saling. Hal ini memerlukan dua pihak untuk menjayakan objektif ini. Sekiranya sebelah pihak sahaja memahami pihak yang lain sementara pihak yang kedua tidak mendukung konsep ini nescaya keharmonian tidak akan dicapai.

**Rajah 2.** Kefahaman Keharmonian berdasarkan Surah al-Hujurat ayat 13






Frasa ayat pada dasarnya menggabungkan dua elemen yang disebutkan untuk menatijahkan sebuah keharmonian. Dengan kata lain jalan penghubung kepada memahami hakikat kemanusiaan mestilah dengan *al-Ta'aruf* dan meraikan kepelbagaian dan perbezaan juga mestilah dengan *al-Ta'aruf*. Sebagai pengukuhan kepada tunjang dan teras yang dikemukakan, ayat ini menatijahkan dua tujuan untuk digerakkan sebagai lambang kesediaan Islam ke arah kemajmukan yang positif. Matlamat dan tujuan yang dimaksudkan adalah: *al-Ta'aruf* dan *al-tafahum*. Dua tujuan ini untuk membentuk satu gagasan masyarakat majmuk yang harmoni.

*Al-Ta'aruf* (saling mengenali) merupakan satu konsep utama untuk membina sebuah pengukuhan dalam hubungan masyarakat majmuk. *Al-Ta'aruf* berasal dari kata dasar yang sama dengan pengetahuan (*ma'rifah*) iaitu 'arafa (Al-Harwi, 2001) iaitu kenal dan mengenali. Definisi ini juga dapat dirujuk melalui Kamus Dewan yang telah mentakrifkan sebagai mengenali, mengenal dan mengetahui rupa, sifat dan tanda-tanda (Noresah bt. Baharom 2016 737). Menurut John Elliot (2004), *ma'rifah* atau *knowledge* sebagai alat untuk menghilangkan kejahilan (*ignorance*) yang melahirkan sifat sangsi dan benci. Pepatah Melayu juga ada menyebut "*tak kenal maka tak cinta*". Oleh itu mengenali budaya, adat resam dan agama pihak lain akan melahirkan pemahaman dan pengenalan yang positif (J. Martin Ramirez, 2007). Dengan itu, *al-Ta'aruf* adalah satu jalan yang akan menghubungkan seseorang dengan lebih tepat. Maka, Islam telah menunjangi konsep utama ini untuk memperteguh dan mengharmonikan perhubungan antara manusia dengan konsep *al-Ta'aruf* tanpa melihat kepada perbezaan seseorang (Al-Bash 2005).

Berikutan kepada konsep *al-Ta'aruf* maka perhubungan ini perlu ditunjangi dengan konsep *al-Tafahum* (saling memahami). *Al-Tafahum* (saling memahami) adalah akar kata dari kata *fa ha ma*. Ia membawa pengertian saling memahami antara satu sama lain atau kelompok dengan kelompok yang lain (Ahmad Rida, 1960) Menurut Kamus Dewan ia membawa maksud tahu dan mengerti benar akan sesuatu. Selain itu ia membawa pengertian memandang, menganggap dan menyelami perasaan seseorang (Noresah Bt Baharom 2016 8).

**Rajah 3.** Keharmonian menerusi Al-Ta'aruf dan al-Tafahum



Banyak pihak yang berpendapat bahawa konflik yang melanda masyarakat majmuk di dunia ini berpunca dari silap faham. Silap faham ini telah menanamkan sifat benci, marah, tidak puas hati, dendam dan sebagainya. Sikap merasakan diri lebih hebat, selalu merasakan diri betul dan pendirian yang keras dalam permusuhan merupakan penghalang yang utama dalam konsep *al-Tafahum* (saling memahami). Oleh itu keharmonian masyarakat majmuk tidak akan dicapai seandainya ada unsur penghinaan agama, budaya, peminggiran dan diskriminasi terhadap pihak lain.

Oleh itu, rangkaian ayat 13, surah *al-Hujurat* ini menatijahkan asas yang utama iaitu "persaudaraan". Persaudaraan ini merupakan satu perhubungan yang dibina sebagai satu jalinan yang dikukuhkan untuk mempertahankan sesuatu yang sama-sama dimiliki secara jujur, bertanggungjawab dan disemai dengan nilai-nilai moral yang murni (A. Nefeily, Salah Ed-Din 2009 26). Persaudaraan antara manusia dan pembentukan entiti masyarakat majmuk yang harmoni yang diikat dengan sifat sejagat ini bukan dilihat kepada unsur persamaan semata-mata (Mohd Zaidin bin Mat@Mohamad 2013), misalnya persamaan

agama, budaya, bangsa, warna kulit, rantau dan sebagainya untuk menjadi satu, bahkan sejagat ini bersifat lebih menyeluruh (Noresah Bt Baharom 2016 1772). Gesaan kepada umat manusia untuk saling mengenali dan memahami untuk membentuk satu masyarakat majmuk yang harmoni sangat perlu dititik beratkan bagi mewujudkan keharmonian yang diimpikan.

### 3. Kesimpulan

Secara keseluruhannya, keharmonian masyarakat dapat dicapai melalui gagasan surah al-Hujurat ayat 13. Kesamaan manusia wajar dijadikan tunjang pengukuhan hubungan dalam realiti kepelbagaian. Manakala perbezaan dijadikan aspek yang menampakkan keistimewaan setiap unit dan ruang untuk semuanya bertindak saling melengkapi secara harmoni. Hal ini akan menolak rasisme, taasub kumpulan, perkauman ataupun sikap *assabiyah* yang merosakkan. Rasulullah SAW telah menunjukkan satu tauladan kepada umatnya dengan mempersatukan penduduk Madinah yang berbilang bangsa, kabilah dan agama. Rasulullah SAW telah membentuk satu komuniti bersatu 'Aus dan Khazraj, Muhajirin dan Ansar dan beberapa komuniti masyarakat majmuk yang lain dalam satu wilayah pemerintahan (Madinah) agar semuanya dapat menjalani kehidupan aman dan damai. Ini sekaligus menggambarkan wajah peradaban Islam yang sentiasa mengutamakan kedamaian dan keharmonian sebagai asas interaksi dalam realiti kemajmukan.

Ternyata surah al-Hujurat ayat 13 ini walaupun sangat ringkas namun ia dipenuhi dengan prinsip, pengajaran asas dan universal dalam usaha membina satu struktur masyarakat majmuk yang berupaya hidup secara toleransi dan harmoni. Kegagalan sesebuah masyarakat menerapkan nilai-nilai moral ini akan menyebabkan berlaku perpecahan dan permusuhan dalam sesebuah masyarakat. Ini tentunya akan menggugat keharmonian dan kestabilan sesebuah masyarakat majmuk.

### 8. Penghargaan

Projek ini dibiayai di bawah Skim Geran Penyelidikan Nic (FRGS-KPM) UniSZA/NRGS/2013/RR057, Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA), Kuala Terengganu. Setinggi-tinggi penghargaan kepada Jabatan Pendidikan Malaysia, Kementerian Pelajaran Malaysia dan Universiti Sultan Zainal Abidin atas bantuan yang diberikan kepada projek ini.

### 9. Rujukan

- 'Umar, Ahmad Mukhtar (2008) *Mu'jam al-Lughah al-Arabiah al-Mua'sirah*, jil 2 hlm 1464, Qahirah: Dār 'Alam al-Kutub.
- Abu Sa'ud al-'Amadiy, Muhammad bin Muhammad bin Mustafa,(t.th) *Tafsir Abi al-Sa'ud: Irsyad al-'Aql al-Salim ila al-Mazaya al-Kitab al-Karim*, juz 5, hlm 137, Bayrut: Dār Ihya' al-Turath al-'Arabiyy.
- Ahmad Rida, (1960) *Mu'jam matan al-Lughah: Mausuhah Lughawiyah Hadithah*, Jil 4, hlm 461, Bairut: Dar Maktabah al-Hayah.
- Al- Syarif, Muhammad Musa, (2003) *Al-Taqarub wa al-Ta'ayush ma'a Ghairi al-Muslimin*, ed 1, hlm 36, Jeddah: Dār Andalus al-Khadra'.
- Al-'Adawiy, Abu 'Abd Allah Mustafa, (1432H) *Al-Tashil li Ta'wil al-Tanzil - Surah al-Hujurat*, hlm 189-190, Jeddah: Dār Majid 'Asiry.
- Al-Azharī, Muhammad bin Ahmad, (t.th), *Tahdhīb al-Lughah*, jil 2, hlm 1120, Qāhirah: Dār al-Ma'rifah li al-Ta'līf wa al-Tarjamah.

- Al-Bash, Hasan, (2005) *Sidam al-Hadarat: Hatmiyyah al-Qadariyyah am Lawthah Basyariyyah*, hlm 4, Bayrut: Dār Qutaybah.
- Al-Da'as, Ahmad 'Abid & Hamidan, Ahmad Muhammad & Al-Qasim, Isma 'il Mahmud, (1425 H) *'Arab al-Quran al-Karim*, Jil 3, hlm 253, Damsyiq: Dar al-Munir & Dar al-Farabiy.
- Al-Harwiy<sup>a</sup>, Muhammad bin Ahmad bin al-Azhari, (t.th) *Al-Zahir fi Gharib al-faz al-Syafi'ie*, hlm 191, Bayrut: Dar al-Tolañi.
- Al-Harwiy<sup>b</sup>, Muhammad bin Ahmad bin al-Azhariy, (2001) *Tahzib al-Lughah, bab al-'Ain wa al-Ra' ma'a al-Fa'*, Juz 2, hlm 207, Bayrut: Dār Ihya' al-Turath al-'Arabiy.
- Al-Kalbiy, Abu Qasim Muhammad bin Ahmad bin Muhammad bin 'Abd Allah,( 1416 H), *Al-Tashil li Ulum al-Tanzil*, jil 2, hlm 294, Bayrut: Syarikah Dār al-Arqam bin Abi al-Arqam,
- Al-Khalifah, Muhammad Hasan Ahmad, (1988), *'Alaqah al-Islam bi al-Yahudiyyah: Rukyah al-Islamiyyah fi al-Masadir al-Taurat al-haliyah*, hlm. 40-45, Qahirah: Dār al-Saqafah li al-Nasyr wa al-Tauzi'.
- Al-Khatib, 'Abd al-Karim bin Yunus, (t.th), *Tafsir al-Qur'aniy li al-al-Qur'an*, jil 13, hlm 432, Qahirah: Dar al-Fikr al-'Arabiy.
- Al-Nu'Maniy, Abu Hafs Siraj al-Din 'Umar bin 'Aliy bin 'Adil al-Hanbaliy,( 1998) *Al-Lubab fi 'Ulum al-Kitab*, jil 17, hlm 520, Bayrut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Al-Raziyy, Abu 'Abd Allah Muhammad bin 'Umar bin al-Hasan bin al-Husin al-Taymiy (1402 H), *Mafatih al-Ghaib au Tafsir al-Kabir*, ed 3, jil 28, hlm 112, Bayrut: Dār Ihya' al-Turath al-'Arabiy.
- Al-Rāzīy, Zayn al-Dīn Muhammad ibn Abī Bakr, (1987), *Mukhtār al-Silāh*, hlm 509, Bayrut: Dār al-Baġā'ir.
- Al-Shahud, 'Ali Naif (2009) *Subul al-Sa'adah al-Zawjiyyah*, hlm 70, Pahang: t.t.p.
- Al-Sharah, Yusuf Hasan, (2000) *Mada al-Dukhul al-Ummah fi al-Khitab al-Muwajjah ila al-Nabiy*, Journal of Faculty of Syaria, Law and Islamic study, bil 20, hlm 122, Qatar: Qatar University.
- Al-Syanqitiy, Muhammad al-Amin bin Muhammad bin al-Mukhtar, (1995) *Adwa' al-Bayan fi Idoh al-Quran bi al-Quran*, Juz 6, surah al-Hujurat ayat 13, hlm 414, Bayrut: Dār al-Fikr.
- Al-Tha'labiy, Ahmad bin Muhammad bin Ibrahim,( 2002) *Al-Kasyaf wa al-Bayan 'an Tafsir al-Qur'an*, jil 9 hlm 64, Bayrut: Dar Ihya al-Turath al-'Arabiy.
- Al-Zamakhsyari, Abu al-Qasim Mahmud bin 'Amru bin Ahmad, (1407 H) *Al-Kasyaf 'an Haqaiq Ghawamidh al-Tanzil*, jil4, hlm 349, Bayrut: Dār al-Kitab al-'Arabi.
- Al-Zuhayliy, Muhammad bin Mustafa (2015) *Al-Mu'tamad fi Fiqh al-Syafi'ie*, ed 5, jil 1, hlm 9 Damsyiq: Dār al-Qalam.
- Al-Zuhayliy<sup>a</sup>, Wahbah bin Mustafa (2010) *Al-Mausu'ah al-Fiqh al-Islamiy wa al-Qadaya al-Mu'asirah*, ed 1, jil 1, hlm 30, Damsyiq: Dār al-Fikr al-Mu'asir.
- Al-Zuhayliy<sup>b</sup>, Wahbah bin Mustafa, (2011) *Pengantar Fiqh Masyarakat Bukan Islam*, hlm 2, Selangor: Persatuan Ulama Selangor.
- Al-Zuhayliy<sup>c</sup>, Wahbah bin Mustafa, (1418 H) *Al-Tafsir al-Munir fi al-'Aqidah, wa al-Syari'ah wa al-Manhaj*, ed 2, jil 26, hlm 248, Damsyiq: Dar al-Fikr al-Mu'asir,

- Elliott, J. (2004). The struggle to redefine the relationship between «knowledge» and «action» in the academy: some reflections on action research. *Educar*, (34), 011-24.
- Francoise Reviere, (2009) Diversity, a synonym for culture, No.5:3, The UNESCO Courier.
- HAMKA, Abdul Malik Abdul Karim Amrullah, (1982) *Tafsir al-Azhar*, ed 2, juz 26, hlm 211 Surabaya: H. ABDUL KARIM.
- Imam Ahmad, Abu Abd Allah Ahmad bin Muhammad bin Hanbal al-Syaibani (2001), *Musnad al-Imam Ahmad*, kitab Mukathirin min al-Sahabah, Bāb Musnad ‘Abd Allah bin ‘Amr al-‘As Radiallah anhuma, juz 14, hlm 349, no hadith 8736, Bayrut: Muathathah al-Risalah.
- Istilah MABBIM <http://prpm.dbp.gov.my/Cari1?keyword=kemajmukan&d=286464> diakses pada 3 Julai 2018
- Jaydal, ‘Ammar, (2004) *al-Wazifah al-Ijtima’iyyah li al- Maqasid Rasa’il al-Nur, al-mu’tamar al- ‘Alami al-Sabi’ li al- Badi’ al-Zaman Sa’id al-Nursiy: Mumarathah Hayah Imaniyyah Fa’ilah fi al-Salam wa Wi’am fi ‘Alam Muta’adid al-Thaqafat min Khilal al-Rasa’il al-Nur*, hlm. 133.
- John Sydenhem Furnivall (1956), *Colonial Policy and Practice: A Comparative Study of Burma and Netherlands India*, hlm 304, New York: New York University Press & John Sydenhem Furnivall (1967), *Netherlands India: A Study of Plural Economy*. hlm, 446 Cambridge: Cambridge University Press.
- Kamus Dewan (PPRM) Istilah kemajmukan [#top](http://prpm.dbp.gov.my/Cari1?keyword=kemajmukan&d=205708) diakses pada pada 3 Julai 2018.
- Mahmood Zuhdi, Hj Abdul Hamid, (1994) *Islam dalam Perhubungan Antarabangsa*, hlm 207- 209, Selangor: Budaya Ilmu Sdn. Bhd.
- Martin, J. Ramirez, (2007), Peace through Dialogue, *International Journal on World Peace*, XXIV (1):65-81.
- Mohammad Jamal Daoudiy, (2005), *Bridger building Between Christianity (St. John Episcopal Crurch) and Islam (The Islamic Association of West Virginia*, hlm 85, Tesis Dr. Fal, United Theological Seminary, Dayton, Ohio.
- Mohd Zaidin bin Mat@Mohamad, (2013) *Pemikiran Badi’ al-Zaman Sa’id al-Nursi Terhadap Dialog Peradaban*, hlm 89, Tesis PhD, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Munif Zariruddin & Fikri Nordin, (2016) *Wacana Kepimpinan Rasulullah SAW*, hlm 115, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nefeily, S. E. D. A. (2009). *It is Dialogue’not Clash*. Al Manhal.
- Nik Safiah Karim & Farid M. Onn & Hasshim Haji Musa & Abdul Hamid Mahmood, (2009) *Tatabahasa Dewan*, ed 3, hlm 43-44, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka
- Noresah Bt Baharom (2016), *Kamus Dewan Edisi Keempat*, Ed 2, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Radzi, H., Sultan, F. M. M., Jalaluddin, N. H., & Ahmad, Z. (2012). Analisis bahasa komunikasi bangsa minoriti Negrito menerusi pengimbuhan dan peminjaman kata. *GEMA Online® Journal of Language Studies*, 12(3).
- Wan Ahmad. W. I, Redzuan M, Emby Z & Hamid A. B. (2009). Kesejahteraan Subjektif Warga Tua di Malaysia: Kes Warga Tua Desa Kelantan. *International Journal of Management Studies*, 16(2), 63-96.
- Wan Mohd Yusof Wan Chik, (2010) *Pemakaian Kaedah Hukum Islam Secara Bersepadu Dalam Penentuan Hukum Islam Di Malaysia*, Tesis PhD, Universiti Malaya.